



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN KANAN (M.13-14 EB.15)
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN KANAN
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**


KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Dental Technology / Maxillo Facial Technology* atau bidang yang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pakar Bedah Pergigian bagi kes-kes *Maxillofacial*;
2. Membantu Pakar Bedah Pergigian dalam menyediakan alat-alat *crown* dan *bridgework*;
3. Membantu Pakar Ortodontik bagi kes-kes ortodontik;
4. Bertanggungjawab menyediakan alat-alat seperti *Porcelain Vener Crown, bonded crown, bridgework* serta *precision attachments* untuk *metal ceramic*;
5. Bertanggungjawab menyediakan alat-alat seperti *Metal Cast* untuk *implantation techniques* bagi alat-alat ganti *partial of fully edentulous patients*;
6. Bertanggungjawab menjaga keselamatan alat-alat perkakas dan *upkeep of stocks* dalam makmal *ceramic*;
7. Mengetuai makmal *ceramic*;
8. Mengawal dan memantau semua Makmal Pergigian terjamin dari jangkitan penyakit (*Infection Control*);
9. Membuat kertas kerja / penyelidikan berkaitan dengan pengurusan bahagian *ceramic*, Makmal Pergigian;
10. Memastikan Makmal Pergigian dalam keadaan yang kondusif dan mengawal kualiti produktiviti gigi palsu yang mengikut spesifikasi yang diperlukan oleh Pegawai Pergigian;



11. Mengendalikan pembuatan gigi palsu yang rumit seperti *implant, overdentures, sectional dentures, complex chrome cobalt framework*;
12. Membuat kertas kerja / penyelidikan berkaitan dengan pengurusan bahagian *prosthetic*, Makmal Pergigian;
13. Bersedia memberikan perkhidmatan bagi mempertingkatkan dan memajukan lagi unit Makmal Pergigian pada bila-bila masa diperlukan oleh Ketua Bahagian Makmal Pergigian dan Pegawai Pergigian; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.